

"Saya akan terus menyumbang kepada negara": Lee

UB 21.10.2012 43

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

KOTA KINABALU: Aktivis Sosial, Tan Sri Lee Lam Thye menyuarakan hasratnya untuk terus memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara selagi kesihatannya membenarkan.

Beliau percaya pengalaman selama 40 tahun berkhidmat kepada negara boleh membantunya dalam memberikan sumbangan dalam pelbagai bidang khususnya dalam isu keselamatan.

"Salah satu bidang yang saya utamakan adalah dari segi keselamatan terhadap jenayah, tempat kerja, di atas jalan raya dan banyak lagi.

"Setiap tahu ramai masyarakat yang meninggal dunia akibat kemalangan

jalan raya... pada saya ini adalah kehilangan aset kepada negara, oleh itu keselamatan itu amat penting," katanya selepas dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kerja Sosial) sempena majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-14 kelmarin.

Beliau yang juga pengurus Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (Niosh) berkata, anugerah itu dilihatnya sebagai satu inspirasi baginya untuk melibatkan diri dengan lebih aktif dalam kerja sosial.

Lee berkata, badan bukan kerajaan (NGO) di negara ini harus dianggap sebagai rakan kongsi bersama kerajaan.

"NGO harus diberikan galakan yang lebih agar mereka boleh menjalankan

peranan mereka untuk membantu kerajaan membangunkan negara.

"Selain itu, saya juga berpesan kepada semua graduan bahawa mereka merupakan aset negara yang sangat penting dan mampu menyumbang kepada negara dan masyarakat tidak kira apa juga kerjaya yang dipilih," jelasnya.

Lee menyeru kepada para graduan untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja amal, dalam usaha membantu masyarakat yang kurang bernasib baik, khususnya di Sabah.

Sebelum itu, dalam ucapan balas di majlis itu, beliau berkata perpaduan adalah satu anugerah yang perlu dipupuk oleh semua masyarakat tanpa mengira bangsa, agama, kaum atau darat," katanya.

Menurutnya, pendidikan merupakan proses yang penting bagi menyemai dan memupuk benih-benih perpaduan dalam kalangan rakyat terutamanya di kalangan generasi muda serta membudayakan nilai-nilai positif.

"Tahniah diucapkan kepada para graduan dan masa depan anda pasti lebih mencabar khususnya dalam suasana ekonomi yang semakin tidak menentu.

"Kita harus berhati-hati untuk benar-benar membentuk dan mengukuhkan landasan sosio-ekonomi negara kita demi memastikan pertumbuhan ekonomi di samping menjamin keadilan sosial," katanya.



LEE bersama anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kerja Sosial) sempena majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-14 kelmarin.